

13/07/1998

Teater Melayu ada kelas tersendiri

LANGKAH Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mementaskan Sirih Bertepuk Pinang Menari di sebuah hotel bertaraf lima bintang di ibu negara, boleh dianggap sebagai usaha mengangkat martabat teater Melayu.

Bukan mudah teater Melayu beraksi dan menari di atas karpét mewah hotel lima bintang yang selama ini didominasi oleh teater Inggeris.

Sepadan dengan tempat persembahannya, pemilihan Sirih Bertepuk Pinang Menari juga tepat dan bersesuaian kerana ia adalah karya Sasterawan Negara, Datuk Noordin Hassan. Ini adalah kali kedua Sirih Bertepuk Pinang Menari dipentaskan. Kali pertama diarahkan oleh Rohani Yousoff.

Kali ini Adnan Hamzah mungkin agak bertuah kerana keupayaannya mengarah Sirih Bertepuk Pinang Menari turut ditonton dan dinilai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sekalipun sudah dua kali dipentaskan, masih segar dan penonton pula masih boleh ketawa disebalik pelakornya menuturkan dialog sinis. Ia masih kekal dengan konsep bangsawan selain menyelitkan topik semasa yang disampaikan secara serius dan humor.

Garapannya amat berhemah bagi mengimbangi unsur murni yang penting ke arah pembentukan jati diri dan tata peradaban bangsa.

Antaranya cinta sejati, adil, saling bekerjasama, merendah diri, semangat akal budi, kejujuran dan mensyukuri nikmat serta kurniaan.

Menggunakan konsep muzika yang menyelitkan elemen tarian dan nyanyian, Sirih Bertepuk Inang Menari turut memperkenalkan teknik lakonan dalam lakonan.

Teater ini menampilkan penyanyi baru, Safura Yaacob sebagai Puteri Kamaliah, selain `orang lama' seperti Zulkifly Zain, Normala Omar, Mubarak Majid, Zakaria Yusoff, Sani Sudin, Dr Gouse Nasaruddin, Zakaria Ariffin (Zaibo), Zaidi Karim dan Hashim Md Nor.

Manakala muzik pula digubah komposer berpengalaman, Suhaimi Mohd Zain atau Pak Ngah.

Teater itu dipentaskan semalam sempena Malam Tahunan DPMM bertujuan mengutip derma bagi mengisi Tabung Pendidikan Tan Sri Yahaya Ahmad.

Sekalipun teater ini nampak kelakar, mesejnya jelas. Contohnya, kehidupan individu pasti mengalami kucar-kacir jika tidak mempunyai harmoni diri.

Mungkin Sirih Bertepuk Pinang Menari dibuat seperti itu kerana mahu mengajak penonton berfikir, mendalami diri dan menghayati setiap apa yang disampaikan dalam teater itu.

(END)